

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

FEBRUARI/MAC 2001

RAK 343 – KAJIAN PERUMAHAN

Masa: 2 ½ jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

**BAHAGIAN A** (Jawab **DUA** soalan sahaja)

1. Terangkan secara ringkas **TIGA SAHAJA** perkara-perkara berikut:  
(Tiap-tiap soalan mempunyai markah yang sama)

- a) Pembinaan perumahan pasngsiap di Malaysia.
- b) Faktor-faktor mempengaruhi penempatan para setinggan di bandar-bandar utama di Malaysia.
- c) Struktur aliran pasaran perumahan di dalam sistem ekonomi bebas.
- d) Bentuk-bentuk jenis pemilikan tanah di Malaysia dan apakah pandangan pemaju swasta terhadap nilai harga untuk tujuan pembangunan perumahan?

( 100 MARKAH )

2. a) Apakah jenis pembiayaan yang boleh diperolehi untuk memajukan sesuatu projek perumahan di Malaysia.

Bincangkan secara ringkas tiap-tiap pembiayaan tersebut.

( 50 MARKAH )

b) Nyatakan sumber-sumber pembiayaan dan syarat-syarat yang diterimapakai pada masakini oleh peminjam untuk pemilikan rumah di negara kita.

( 50 MARKAH )

3. Untuk melaksanakan program perumahan secara berkesan, sesebuah negara mempunyai struktur rangka dasar. Terangkan secara ringkas komponen rangka dasar tersebut.

( 100 MARKAH )

**BAHAGIAN B** (Jawab **DUA** soalan sahaja)

4. Huraikan perkara-perkara yang perlu ditunaikan oleh jururancang, arkitek dan jurutera untuk mendapatkan kelulusan pembangunan daripada pihak berkuasa tempatan pada peringkat permohonan perancangan pembangunan perumahan.

( 100 MARKAH )

5. a) Huraikan objektif utama kerajaan dalam pembekalan perumahan kepada penduduk Malaysia yang terdapat dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, Dasar Pembangunan Negara yang meliputi Rancangan Malaysia ke Enam dan ke Tujuh.

( 50 MARKAH )

- b) Berdasarkan di atas, huraikan isu-isu penting yang dihadapi oleh pihak kerajaan dan swasta dalam usaha mereka membekal perumahan kepada rakyat golongan berpendapatan rendah dengan menjelaskan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menangani isu-isu tersebut.

( 50 MARKAH )

6. Huraikan EMPAT (4) dari LIMA (5) idea, teknik atau konsep di bawah ini yang terlibat dalam perancangan dan rekabentuk perumahan untuk sesuatu komuniti.

- Konsep Jirandesa
- Piawai Perancangan
- Pelan Tatatur
- Rumah sebagai satu kediaman – “The house as a home”
- Rumah sebagai satu sistem - “The house as a system”

( 100 MARKAH )

- 000000000 -